KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
# KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH

## SK TAHUN 5

# BAHASA MELAYU

PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM

# RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip berikut :

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

# FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.

## Kata Pengantar

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokuman yang memperincikan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad ke-21.

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun, dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharapkan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharapkan dapat memberikan penekanan pada usur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran secara kontekstual, dan pembelajaran secara konstruktivisme. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberikan keyakinan kepada murid dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Huraian Sukatan Pelajaran ini menjelaskan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid berasaskan pendekatan masteri. Hasil pembelajaran tersebut dinyatakan secara eksplisit mengikut tahap kesukaran isi kandungan dan tahap keupayaan murid. Hasil pembelajaran diperingkatkan kepada tiga aras, iaitu Aras 1 (aras asas), Aras 2 (aras sederhana), dan Aras 3 (aras cemerlang).

Kandungan Huraian Sukatan Pelajaran Tahun Lima menggariskan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Pernyataan dalam Huraian Hasil Pembelajaran memberikan cabaran yang sesuai dengan pelajar pada tahap tertinggi dalam pendidikan sekolah rendah. Huraian ini seharusnya dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran yang disemak semula ini banyak pihak yang terlibat terutama guru, pensyarah maktab dan universiti, pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

**( Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BT. SYED ZIN )**
Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Rukun Negara | v. |
| Falsafah Pendidikan Kebangsaan | vii . |
| Kata Pengantar | ix. |
| Pendahuluan & Matlamat | 1 |
| Objektif KBSR | 2 |
| Organisasi Kurikulum | 3 |
| Penerangan HSP | 4-5 |
| Pemaparan contoh | 6 |
| Strategi pengajaran & pembelajaran | 7-9 |
| Sistem Bahasa | 10-11 |
| Pengisian kurikulum | 12-14 |
| Senarai kemahiran | 15-90 |

## PENDAHULUAN

Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu ialah mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah. Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat di Malaysia. Pendidikan Bahasa Melayu berhasrat membina rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat, juga berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cinta akan tanah air yang dikongsi bersama oleh semua rakyat dalam satu wawasan. Pendidikan Bahasa Melayu mempunyai potensi untuk dimartabatkan dan diperluas ke peringkat antarabangsa menerusi teknologi maklumat dan komunikasi.

Kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani. Kurikulum Bahasa Melayu menyediakan murid menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat. Murid mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah merangkumi kemahiran bahasa, iaitu Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, dan Kemahiran Menulis. Penumpuan pada kemahiran-kemahiran ini membolehkan murid menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan harian dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur hidup. Pendidikan Bahasa Melayu juga memberikan pertimbangan terhadap pelbagai gaya pembelajaran, minat, dan kecerdasan yang berbeza antara satu sama lain di kalangan murid dengan menekankan pembelajaran masteri dan penerapan kemahiran bernilai tambah.

Aktivti kokurikulum yang dijalankan di luar waktu sekolah adalah penting sebagai sokongan untuk memantapkan ilmu dan pengalaman pembelajaran di bilik darjah.

Huraian Sukatan Pelajaran ini merupakan perincian kepada kandungan sukatan pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah dan berfungsi sebagai panduan untuk guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Huraian Sukatan Pelajaran ini disediakan bagi setiap tahun pembelajaran, iaitu tahun satu hingga tahun enam.

Huraian Sukatan Pelajaran ini mengandungi Matlamat, Objektif, Organisasi Kurikulum, Penerangan tentang Huraian Sukatan Pelajaran, dan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran. Organisasi Kurikulum merangkumi Kemahiran Bahasa, Hasil Pembelajaran, Sistem Bahasa, dan Pengisian Kurikulum.

## MATLAMAT

Matlamat kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri , memperoleh ilmu, perhubungan sosial, dan urusan harian.

## OBJEKTIF MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH

Pada akhir sekolah rendah murid dapat:

i. Mendengar dan memahami pengucapan dengan teliti serta menghayatinya dalam konteks perbualan harian dan situasi formal;

ii. bertutur dengan petah menggunakan sebutan dan intonasi yang betul dalam pelbagai situasi;

iii. berbincang dan berkongsi pendapat untuk menyelesaikan masalah, mencapai persetujuan, dan membuat keputusan tentang sesuatu perkara;

iv. membaca pelbagai bahan sastera dan bahan bukan sastera dengan menggunakan teknik membaca yang sesuai dan berkesan untuk memperoleh ilmu dan memproses maklumat secara kritis;

v. memupuk minat membaca sebagai satu amalan ke arah membina budaya pembelajaran berterusan;

vi. memperkembang imaginasi, kreativiti, pemikiran kritis, dan penghayatan nilai murni melalui aktiviti bertutur, membaca, dan menulis;

vii. mengenali dan menghasilkan pelbagai jenis penulisan kreatif dan berunsur pengetahuan dengan kemahiran menulis serta proses penulisan yang sesuai dan betul;

viii. menggunakan bahasa baku meliputi tatabahasa, ejaan, kosa kata, serta sebutan dan intonasi yang betul dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis;

ix. menghargai dan menghayati keindahan bahasa melalui karya sastera dan karya bukan sastera; dan

x. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan kewarganegaraan.

**OBJEKTIF MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU TAHUN LIMA:**

Pada akhir tahun lima murid dapat:

i. mendengar dan memahami pengucapan dengan teliti serta menghayatinya dalam konteks perbualan hyarian dan situasi formal,

ii. bertutur dengan petah menggunakan sebutan dan intonasi yang betul secara bertatasusila dalam pelbagai situasi,

iii. berbincang dan berkongsi pendapat tentang seuatu perkara untuk menyelesaikan masalah, mencapai persetujuan, dan membuat keputusan,

iv. membaca dan menghayati pelbagai bahan sastera dan bukan sastera yang berunsur ilmu,

v. mengamalkan budaya membaca dalam kehidupan harian,

vi. menghasilkan pelbagai jenis penulisan kreatif dan berunsur pengetahuan dengan menggunakan proses penuilisan yang sesuai,

vii. menulis teks dengan menggunakan tulisan berangkai yang cantik dan kemas,

viii. menghasilkan karangan dengan menggunakan tidak kurang daripada 100 perkataan,

ix. menggunakan bahasa baku yang meliputi tatabahasa, kosa kata, sistem ejaan, dan sebutan yang betul, dan

x. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotisme, dan kewarganegaraan.

## ORGANISASI KURIKULUM

Kandungan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu ini meliputi Kemahiran Bahasa, Hasil Pembelajaran, Sistem Bahasa, dan Pengisian Kurikulum. Semua perkara ini dinyatakan di bawah:

### a. Kemahiran Bahasa

Kemahiran Bahasa meliputi kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Kemahiran Bahasa ini merupakan teras kepada penguasaan bahasa baku.

**Kemahiran Mendengar** merujuk kepada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami, dan menghayati perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan, serta dapat memberikan maklum balas.

**Kemahiran Bertutur** merujuk kepada keupayaan murid berbicara secara lisan untuk menjalin hubungan, menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, serta idea yang kritis dan kreatif, dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan. Penekanan diberikan pada pengucapan yang menggunakan tatabahasa yang betul.

**Kemahiran Membaca** merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan ilmu dan sastera secara kritis dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan. Di samping itu, murid berupaya menghayati teks yang dibaca.

**Kemahiran Menulis** merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat, serta mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan kreatif yang berkaitan

dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan ilmu dan imaginatif.

### b. Hasil Pembelajaran

Hasil Pembelajaran ialah pernyataan yang ditafsirkan daripada objektif kurikulum bahasa. Pernyataan hasil pembelajaran merupakan petunjuk yang jelas tentang set kemahiran yang perlu dicapai oleh murid. Hasil pembelajaran dibina dengan menyepadukan penggunaan bahasa, kemahiran bahasa, sistem bahasa, dan pengisian kurikulum. Oleh itu, murid perlu menguasai kemahiran berbahasa yang terdapat dalam setiap hasil pembelajaran. Hasil pembelajaran dapat membantu guru memilih kandungan, kaedah, sumber, dan prosedur pengajaran yang relevan dan berkesan. Pendekatan yang berfokus pada gaya pembelajaran yang pelbagai dapat membantu murid mencapai hasil pembelajaran. Selain itu, hasil pembelajaran juga membantu dalam membuat pengukuran dan penilaian pencapaian murid.

### c. Sistem Bahasa

Sistem Bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada bahasa Melayu baku yang terdiri daripada tatabahasa, sistem ejaan, kosa kata, sebutan dan intonasi,

dan peribahasa. Pelaksanaan sistem bahasa dalam pendidikan Bahasa Melayu membolehkan murid menggunakan dan mengamalkan bahasa Melayu baku.

**d. Pengisian Kurikulum**

Pengisian Kurikulum terdiri daripada elemen yang mencantumkan teras utama dalam kehidupan masyarakat Malaysia dan perkembangan terkini dalam pendidikan, iaitu ilmu, nilai murni, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme dan pembelajaran kontekstual. Semua elemen ini dapat diaplikasikan oleh murid dalam dunia pekerjaan. Di samping itu, pendidikan nilai murni, serta patriotisme dan kewarganegaraan diberikan penekanan selaras dengan matlamat negara membangunkan masyarakat madani.

## PENERANGAN TENTANG HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

Huraian Sukatan Pelajaran Tahun Empat dipersembahkan dalam tiga lajur. Lajur pertama ialah pernyataan Hasil Pembelajaran seperti yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran. Lajur kedua ialah Huraian Hasil Pembelajaran, dan Lajur ketiga ialah Cadangan Aktiviti/Nota.

**a. Hasil Pembelajaran**

Hasil pembelajaran dalam lajur satu ialah pernyataan yang ditafsirkan daripada objektif kurikulum bahasa. Pernyataan hasil pembelajaran merupakan petunjuk yang jelas tentang set kemahiran yang perlu dicapai oleh murid. Oleh itu, murid perlu menguasai kemahiran bahasa yang terdapat dalam setiap hasil pembelajaran. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, hasil pembelajaran dapat dicapai dengan menggabungjalinkan keempat-empat kemahiran bahasa, sistem bahasa, dan pengisian kurikulum.

| Kemahiran Bahasa | Hasil Pembelajaran | Kemahiran Berbahasa |
|---|---|---|
| Mendengar & Bertutur | 1.0 | 1.1, 1.2, 1.3, 1.4, 1.5, 1.6 |
| | 2.0 | 2.1, 2.2 |
| | 3.0 | 3.1, 3.2, 3.3 |
| | 4.0 | 4.1, 4.2, 4.3, 4.4 |
| Membaca | 5.0 | 5.1, 5.2 |
| | 6.0 | 6.1, 6.2, 6.3, 6.4, 6.5, 6.6 |
| | 7.0 | 7.1, 7.2, 7.3 |
| Menulis | 8.0 | 8.1, 8.2, 8.3, 8.4, 8.5, 8.6 |
| | 9.0 | 9.1, 9.2, 9.3 |
| | 10.0 | 10.1, 10.2, 10.3 |
| | 11.0 | 11.1, 11.2, 11.3,11.4 |

Hasil pembelajaran bagi kemahiran mendengar dan bertutur merangkumi kemahiran berbual, bercerita, menyampaikan maklumat , dan berbincang. Kemahiran membaca pula memberikan penekan pada kemahiran membaca kuat, membaca dan memahami maklumat serta membaca, menaakul, dan menghayati teks yang dibaca. Bagi kemahiran menulis, tumpuan diberikan pada kemahiran menggunakan pelbagai jenis ayat dan wacana dalam menghasilkan penulisan. Penekanan juga diberikan pada kemahiran mencatat dan menyusun maklumat serta menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif. Murid juga dilatih utnuk membuat ulasan tentang penulisan yang diohasilkan oleh penulisa lain.

**b. Huraian Hasil Pembelajaran**

Huraian Hasil Pembelajaran dalam lajur kedua menyatakan secara jelas aras kemahiran yang perlu dicapai oleh murid mengikut tahap keupayaan dan kemajuan mereka sama ada pada Aras 1, Aras 2, atau Aras 3. Aras 1 ialah aras paling asas atau minimum yang harus dicapai oleh semua murid. Kandungan kurikulum bagi aras ini adalah yang paling minimum yang harus dikuasai oleh semua murid. Aras 2 ialah aras bagi murid yang berpencapaian sederhana manakala Aras 3 ialah aras paling tinggi bagi murid yang berpencapaian cemerlang. Pemeringkatan berdasarkan aras ini sejajar dengan pembelajaran masteri dan membolehkan murid yang cemerlang terus maju tanpa mengabaikan murid yang berpencapaian rendah.

Apabila murid berupaya mencapai Aras 1, maka mereka boleh meneruskan pembelajaran ke Aras 2 dan seterusnya ke Aras 3. Sekiranya seseorang murid masih tidak berupaya mencapai Aras 1, maka guru hendaklah melatih dan membimbing murid tersebut sehingga mereka menguasai aras tersebut sepenuhnya. Dalam hal ini, penilaian terhadap pencapaian murid bagi setiap aras perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti sama ada murid perlu dibimbing lagi atau boleh beralih ke pelajaran seterusnya.

**c. Cadangan Aktiviti/ Nota**

Cadangan Aktiviti/ Nota dalam lajur ketiga mengandungi cadangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta bahan bantu belajar di bilik darjah. Cadangan tersebut disesuaikan dengan Huraian Hasil Pembelajaran serta mengambil kira elemen yang terkandung dalam pengisian kurikulum, contohnya kemahiran meramal dan membuat pilihan menggunakan kajian masa depan dan jenis kecerdasan pelbagai yang unik bagi seseorang murid.Semua cadangan ini hanyalah sebagai panduan untuk guru. Guru boleh mengubah suai atau memilih teknik atau aktiviti lain yang sesuai dengan kebolehan murid.

**Pemaparan Contoh Huraian Sukatan Pelajaran**

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan |
|---|---|---|
| **11.0 Membuat ulasan tentang bahan yang didengar, dibaca, atau ditonton**<br><br>11.2 Mengulas karya bukan sastera dari segi penggunaan perkataan, idea, ayat, wacana, dan nilai dan pengajaran. | **Aras 1**<br><br>i. Mengecam maklumat yang terdapat dalam teks.<br><br>ii. Menyatakan pandangan tentang mesej dan nilai yang terdapat dalam bahan. | • Membacaa dan memahami karya berunsur ilmu.<br><br>• Mencatat pelbagai maklumat berdasarkan karya yang dibaca.<br>Contoh:<br>- perkataan baru<br>- jenis ayat<br><br>• Memberikan pendapat tentang aspek yang dikaji. |

Cadangan aktiviti/ nota

Kemahiran berbahasa

Huraian Kemahiran berbahasa

Hasil pembelajaran

## STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

### a. Pendekatan Berpusatkan Murid

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa. Pendekatan berpusatkan murid selari dengan pembelajaran masteri yang menekankan keperluan memastikan murid menguasai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Melalui pembelajaran masteri murid diberi peluang untuk maju mengikut kadar keupayaan mereka sendiri. Dalam hal ini aktiviti penilaian, pemulihan, dan pengayaan perlu dijadikan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran.

### b. Kepelbagaian Teknik

Pendidikan Bahasa Melayu sekolah rendah menggalakkan penggunaan pelbagai kaedah mengajar. Guru boleh memilih pendekatan, kaedah serta teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid. Kaedah dan teknik perbincangan, simulasi, projek, dan inkuri berasaskan pembelajaran kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, konstruktivisme dan kontekstual umpamanya, meningkatkan minat murid terhadap pelajaran. Keberkesanan pengajaran bergantung pada pengolahan teknik dan penggunaan bahan bantu dan teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif, berkomunikasi, dan berinteraksi.

### c. Kepelbagaian Sumber Bahan

Penggunaan perpustakaan, pusat sumber, dan komputer sangatlah digalakkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Bahan-bahan seperti akhbar, majalah, buku rujukan,kamus, bahan daripada internet, perisian kursus serta bahan sastera dan bukan sastera hendaklah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dan juga untuk bacaan luas.

### d. Penggunaan Tatabahasa yang Tepat

Pendidikan Bahasa Melayu sekolah rendah menekankan penggunaan tatabahasa yang tepat. Untuk mencapai tujuan tersebut, guru perlu merancang dan memilih aspek tatabahasa yang hendak diajarkan berserta contoh penggunaannya dalam pelbagai konteks dan kegiatan bahasa yang bermakna sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

### e. Pengajaran dan Pembelajaran Bertema

Pendekatan bertema amat diigalakkan dalam pengajaran bahasa. Melalui pengajaran dan pembelajaran bertema, kemahiran bahasa, pembelajaran tatabahasa dan pengembangan kosa kata dapat disepadukan dan dikukuhkan. Di samping itu, ilmu daripada mata pelajaran

dan disiplin lain lebih mudah diserapkan. Bagi tujuan ini, guru perlu merancang dan menentukan tema bagi pengajarannya yang meliputi bidang ilmu, hal persendirian dan kemasyarakatan, serta isu semasa.

**f. Bacaan Luas**

Bacaan luas memberikan peluang kepada murid untuk menimba ilmu pengetahuan dan membentuk sahsiah yang baik bagi meningkatkan daya berfikir dan minat ingin terus membaca. Bacaan luas boleh dijalankan dalam pendidikan Bahasa Melayu dengan menggunakan bahan-bahan ilmiah dan sastera. Pengajaran dan pembelajaran boleh dilaksanakan secara serapan.

**g. Penggabungjalinan**

Penggabungjalinan merupakan proses yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Melalui proses ini, beberapa kemahiran dapat dikuasai serentak. Penggabungjalinan berlaku antara kemahiran berbahasa daripada bidang yang berlainan, iaitu inter bidang atau kemahiran berbahasa dalam bidang yang sama,iaitu intra bidang. Selain itu aspek tatabahasa, kosa kata, dan peribahasa juga digabungjalinkan. Penggabungjalinan unsur-unsur tertentu dihuraikan seperti yang berikut:

i. Kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis boleh digabungkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, sekurang-kurangnya antara dua kemahiran. Misalnya kemahiran berbahasa mendengar dan bertutur digabungjalinkan dengan kemahiran berbahasa membaca. Penggabungjalinan ini bertujuan untuk mencapai hasil pembelajaran.

ii. Tatabahasa boleh digabungkan secara terancang dalam konteks dengan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis.

iii. Kosa kata dan peribahasa yang hendak diajarkan harus digabungkan secara terancang dengan semua aktiviti kemahiran bahasa, misalnya melalui aktiviti lakonan atau perbahasan; membaca teks yang mengandungi kosa kata ( sama ada kata umum atau istilah), dan peribahasa; sertaa melalui latihan menggunakan kosa kata dan peribahasa yang betul dalam pelbagai genre penulisan.

**h. Penyerapan**

Penyerapan ialah proses menyerapkan pelbagai bidang ilmu, nilai murni, dan kemahiran bernilai tambah dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Penyerapan unsur-unsur ini dihuraikan seperti yang berikut:

i. Isi pelajaran Bahasa Melayu menyerapkan pelbagai bidang ilmu serta pelbagai tema yang mencakup hal-hal persendirian dan kemasyarakatan.

ii. Semangat kewarganegaraan dan nilai murni masyarakat Malaysia yang berlandaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan hendaklah diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Meskipun penyerapan dilakukan secara sedar dan

terancang namun murid menyerap ilmu dan nilai tersebut secara natural.

iii. Kemahiran berfikir hendaklah diserapkan secara terancang dengan kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, dan menulis. Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu ini memberikan penekanan pada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kemahiran berfikir yang perlu diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah seperti yang berikut:

- Mencirikan
- Mengelaskan, mengumpulkan, mengkategorikan
- Membuat kaitan dan perhubungan
- Membanding dan membeza
- Menyusun atur
- Mengenal pasti kenyataan benar atau palsu
- Membezakan fakta dengan pendapat
- Menganalisis
- Mengesan kecondongan pendapat
- Mengenal pasti sebab akibat
- Meramal
- Mensistesis
- Mengitlak
- Membuat analogi
- Membuat inferens
- Membuat kesimpulan
- Menginterpretasi, mentafsir
- Mengenal pasti idea utama dan idea sokongan
- Menilai
- Menjana idea
- Merumus, meringkas
- Membuat keputusan
- Menyelesaikan masalah

Kemahiran berfikir yang dinyatakan di atas bertujuan untuk membolehkan kemahiran berfikir tersebut dikuasai murid. Alat berfikir seperti penyusun grafik, soalan (bertumpu, bercapah, dan lingkaran soalan) serta peta minda perlu digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

iv. Kemahiran bernilai tambah yang lain, iaitu kemahiran teknologii maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme dan pembelajaran kontekstual juga perlu diserapkan dengan mengambil kira kesesuaiannya dengan hasil pembelajaran yang ingin dicapai, kebolehan murid, serta sumber yang ada.

## i. Penilaian

Penilaian ialah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian merupakan aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu hasil pembelajaran dan objektif pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, penilaian yang berterusan perlu dijalankan. Melalui penilaian yang berterusan ini, tindakan susulan yang perlu diambil terhadap seseorang murid, sama ada dalam bentuk aktiviti pemulihan atau pengayaan dapat dipastikan.

**j. Pemulihan**

Aktiviti pemulihan disediakan untuk membantu murid menguasai hasil pembelajaran yang belum dicapai. Aktiviti ini dilaksanakan mengikut kadar kemampuan murid.

**k. Pengayaan**

Aktiviti pengayaan perlu diberikan penekanan kerana murid berbeza tahap kebolehan, keupayaan, bakat, dan minat. Murid yang menguasai hasil pembelajaran lebih awal atau dalam jangka masa yang ditetapkan boleh diberikan aktiviti yang lebih mencabar untuk dilaksanakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru.

**SISTEM BAHASA**

Sistem bahasa berfokus pada pengajaran dan pembelajaran tatabahasa, kosa kata, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, dan peribahasa. Penerangan ringkas bagi perkara tersebut dinyatakan di bawah.

**a. Tatabahasa**

Tatabahasa hendaklah dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang dalam konteks untuk ketepatan berbahasa. Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis.

1. Morfologi

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk kata , dan golongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa sama ada bentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan, dan penggandaan. Penggolongan kata ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk dan fungsi dengan anggota lain dalam golongan kata yang sama. Aspek morfologi yang diberikan tumpuan ialah:

i. Struktur kata yang merujuk kepada pola suku kata bagi:
- kata asli bahasa Melayu
- kata pinjaman bahasa Melayu

ii. Bentuk kata terdiri daripada:
- bentuk kata tunggal
- bentuk kata terbitan
- bentuk kata majmuk
- bentuk kata ganda

iii. Proses pembentukan kata bahasa Melayu meliputi:
- pengimbuhan
- penggandaan
- pemajmukan

Antara ketiga-tiga proses pembentukan di atas, yang amat kompleks ialah pengimbuhan. Oleh itu, penekanan hendaklah diberikan pada aspek penggunaan imbuhan yang betul dari sudut bentuk dan makna, termasuk aspek baru dalam proses pengimbuhan.

iv. Golongan kata terdiri daripada:
- kata nama
- kata kerja

- kata adjektif
- kata tugas

II. Sintaksis

Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat. Ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan ialah:

i. Unsur utama ayat yang terdiri daripada kata, frasa, klausa dan pembinaannya, serta pembahagian subjek dan predikat.
ii. Jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, dan ayat seruan.
iii. Ragam ayat, iaitu ayat aktif dan ayat pasif.
iv. Susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang.
v. Binaan ayat:
   - ayat dasar
   - tunggal
   - ayat terbitan atau majmuk
vi. Proses penerbitan ayat:
   - Konsep ayat terbitan
   - Proses pengguguran
   - Proses penyusunan semula
   - Proses peluasan
vii. Aspek tanda baca

**b. Sistem Ejaan**

Perkara yang diberi penekanan ialah:
i.Pola keselarasan huruf vokal
ii.Ejaan kata pinjaman
iii.Ejaan kata dasar dan kata terbitan

**c. Sebutan dan Intonasi**

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya murid dapat menyebut perkataan dan ayat dengan betul serta memahami intonasi dan jeda. Kemahiran yang dipupuk ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya murid dapat menyampaikan maksud dengan tepat.

i. Sebutan
Sebutan diajarkan supaya murid dapat menyebut kata dengan betul. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah sebutan bahasa Melayu baku.

ii. Intonasi
Intonasi ayat bahasa Melayu hendaklah diajarkan mengikut pola ayat yang berikut:
- ayat penyata
- ayat tanya
- ayat perintah
- ayat seruan
- ayat terbalik atau songsang
- ayat aktif
- ayat pasif

Pola intonasi bagi ayat yang panjang juga perlu diajarkan agar murid dapat menyampaikan maksud dengan jelas.

* Buku **Tatabahasa Dewan Edisi Baharu** ialah buku tatabahasa pegangan yang menjadi sumber rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran.

* Buku **Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia Edisi Kedua** ialah buku panduan ejaan yang menjadi rujukan dalam pembelajaran dan pengajaran.

**d. Kosa kata**

Kosa kata terdiri daripada kosa kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata ini ialah lanjutan daripada peringkat sekolah rendah. Penguasaan kosa kata tersebut perlu ditingkatkan dan dikembangkan selaras dengan pertambahan ilmu dalam mata pelajaran peringkat sekolah rendah.

**e. Peribahasa**

Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan, dan kata-kata hikmat yang perlu diajarkan dalam pendidikan Bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian, dan nilai murni masyarakat Malaysia. Peribahasa hendaklah diajarkan dalam konteks. Buku-buku peribahasa Melayu boleh dijadikan sumber rujukan.

## PENGISIAN KURIKULUM

Elemen dalam pengisian kurikulum ialah ilmu, nilai murni, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah. Semua elemen ini diserapkan dalam konteks bagi kemahiran bahasa yang terdapat dalam Hasil Pembelajaran. Penerangan ringkas bagi setiap pengisian ini diberikan di bawah.

**a. Ilmu**

Ilmu merangkumi pelbagai bidang ilmu dan disiplin, contohnya ilmu bidang sains dan geografi yang boleh digunakan untuk memperkembang ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Ilmu juga termasuk perkara semasa yang boleh dipertimbangkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

**b. Nilai Murni**

Penyerapan nilai murni dalam pendidikan Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan nilai murni bertujuan untuk membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia. Pemahaman dan kesedaran tentang nilai masyarakat Malaysia harus dipupuk sama ada secara langsung atau tidak langsung selaras dengan nilai sejagat.

Nilai murni ini ialah:

- Baik hati
- Berdikari
- Hemah tinggi
- Hormat-menghormati
- Kasih sayang
- Keadilan
- Kebebasan
- Keberanian
- Kejujuran
- Kerajinan
- Kerjasama
- Kesederhanaan
- Kesyukuran
- Patriotisme
- Rasional
- Semangat bermasyarakat
- Kebersihan fizikal dan mental

**c. Kewarganegaraan**

Penyerapan unsur patriotisme dan kewarganegaraan dalam pendidikan Bahasa Melayu mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat akan tanah air. Pemupukan unsur ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang baik dan meningkatkan komitmen terhadap bangsa dan negara.

**d. Peraturan Sosiobudaya**

Peraturan sosiobudaya dalam pendidikan Bahasa Melayu meliputi kesantunan bahasa, laras bahasa, dan peribahasa yang diamalkan dalam masyarakat Malaysia. Peraturan sosiobudaya ini mencerminkan falsafah dan keperibadian masyarakat Malaysia.

**e. Kemahiran Bernilai Tambah**

Kemahiran bernilai tambah ialah kemahiran yang diajarkan dalam bilik darjah serta dapat diaplikasikan dalam dunia sebenar murid dan senario dunia yang global. Kemahiran bernilai tambah yang dimaksudkan ialah kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual. Penerangan ringkas tentang kemahiran bernilai tambah dinyatakan di bawah:

i. Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berfikir, sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa depan.

ii. Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi perlu diajarkan kepada murid supaya mereka dapat menggunakan komputer untuk tujuan komunikasi seperti menghantar dan menerima e-mel, menggunakan aplikasi perisian dalam menyempurnakan tugasan harian, dan mengakses maklumat melalui internet.

iii. Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan dan cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah, dan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

iv. Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini, dan masa depan. Ini bermakna murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat, serta mengendalikan perubahan supaya murid mendapat manfaat yang maksimum.

v. Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan pelbagai merangkumi verbal-linguistik, logik-matematik, muzik, kinestetik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal, dan naturalis. Oleh itu, guru perlu mengembangkan potensi kecerdasan murid dengan menyediakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza.

vi. Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang boleh membina pemahaman dan pengetahuan baru mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin, dan seronok untuk belajar sepanjang hayat.

iv. Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian murid, masyarakat, dan alam pekerjaan. Pembelajaran ini disampaikan dalam persekitaran yang pelbagai, secara konkrit, serta melibatkan latih amal dan berfikir. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkaitkan pengetahuan baru secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dengan kehidupan mereka.

Kemahiran mendengar merujuk kepada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami, dan menghayati perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan, serta dapat memberikan maklum balas.

Kemahiran bertutur merujuk kepada keupayaan murid berbicara secara lisan untuk menjalin hubungan, menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, serta idea yang kritis dan kreatif, dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan. Penekanan diberikan pada pengucapan yang menggunakan tatabahasa yang betul.

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| **1.0 Berbual dengan keluarga, rakan sebaya, dan pihak lain dalam situasi formal dan tidak formal** | | |
| 1.1 Berbual tentang sesuatu perkara berkaitan kehidupan seharian dengan menggunakan kata, ungkapan, ayat, sebutan, intonasi, dan nada yang sesuai. | **Aras 1**<br><br>i. Menggunakan kata panggilan yang sesuai mengikut situasi dalam perbualan. | • Berlakon dengan menggunakan kata panggilan yang sesuai mengikut situasi:<br>– Majlis perhimpunan mingguan<br>Contoh kata panggilan yang sesuai:<br>Yang berusaha<br>Yang berbahagia<br>Yang Amat Berhormat |
| | **Aras 2**<br><br>i. Bertukar-tukar pandangan berdasarkan sesuatu isi. | • Bercerita tentang pengalaman masing-masing.<br>Contoh :<br>sambutan hari kebangsaan<br>perjalanan menyertai perbarisan<br>pengalaman sambutan peringkat sekolah<br>pengalaman menonton televisyen |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Menerima teguran dengan hati yang terbuka dalam perbualan. | • Melakonkan dialog yang ada unsur-unsur penerimaan teguran<br>– rakan dengan rakan (melanggar peraturan sekolah)<br>Contoh :<br>Maafkan saya. Saya terlupa.<br>Terima kasih kerana mengingatkan saya,<br>Baiklah, saya akan cuba perbaiki.<br>Terima kasih atas teguran itu tetapi pada pendapat saya ini adalah yang terbaik pada saya. |

<table>
<tr><th>Hasil Pembelajaran</th><th>Huraian Hasil Pembelajaran</th><th>Cadangan Aktiviti/Nota</th></tr>
<tr>
<td>1.2 Bertanya dan menjawab tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.</td>
<td>Aras 1<br><br>i. Mendengar dan mengecam intonasi dalam soalan tanpa kata tanya.<br><br>ii. Mengemukakan soalan dengan menggunakan kata tanya dan tanpa kata tanya untuk mendapatkan penjelasan lanjut.<br><br>iii. Menjawab untuk menjelaskan sesuatu perkara yang dikemukakan dengan menggunakan bahasa yang santun.</td>
<td>• Mendengar pita rakaman untuk membandingkan dan membezakan soalan tanpa kata tanya dan menggunakan kata tanya.<br><br>
<table>
<tr><th>Soalan dengan kata tanya</th><th>Soalan tanpa kata tanya</th></tr>
<tr><td>1. Apakah hajat kamu?</td><td>1. Sihat?</td></tr>
<tr><td>2. Bilakah awak keluar dari hospital?</td><td>2. Sudah makan ubat?</td></tr>
<tr><td>3. Bagaimanakah keputusan ujian diagnosis penyakit awak?</td><td>3. Mahu pulang?</td></tr>
</table>
<br>• Murid membina soalan yang menggunakan kata tanya dan tanpa kata tanya.<br><br>• Memberikan penjelasan yang sesuai berdasarkan soalan yang dikemukakan.</td>
</tr>
</table>

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 2**<br><br>i. Mengemukakan soalan yang relevan tentang topik yang berkaitan.<br><br>ii. Menjawab soalan yang mempunyai makna yang tersirat. | • Murid berbincang tentang soalan yang akan dikemukakan.<br><br>• Murid menemuramah tetamu.<br>Contoh: Pengusaha kantin sekolah<br>– Berapa lamakah encik menguruskan kantin sekolah ini?<br><br>• Melakonkan dialog yang mengandungi bahasa-bahasa terbalik atau sindiran.<br>Contoh:<br>Soalan : Berapakah harga ikan ini sekilo?<br>Jawapan : RM20.00 sekilo<br>Soalan : **Kenapa murah sangat?**<br>Jawapan : Memang inilah harganya encik. |
| | **Aras 3**<br><br>i. Bersoal jawab secara bertatasusila tentang sesuatu perkara dengan menggunakan soalan pelbagai aras. | • Mengemukakan soalan bertumpu dan bercapah berdasarkan bahan rangsangan menggunakan lingkaran soalan.<br>Contoh rangsangan :<br>– Gambar seekor harimau<br>Contoh soalan :<br>Apakah makanan haiwan ini?<br>Bagaimanakah cara untuk mengekalkan spesis ini? |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 1.3 Memberikan dan memahami arahan serta pesanan tentang sesuatu perkara. | **Aras 1**<br><br>i. Menyatakan panduan tunjuk arah kepada orang lain.<br><br>ii. Menyampaikan arahan serta pesanan dengan intonasi yang betul dan bersopan. | • Murid melakonkan situasi menunjuk arah kepada seseorang.<br>Contoh: Berpandukan brosur atau peta.<br>Contoh :<br>Sekarang encik berada di sini. Kemudian, jalan terus kira-kira 50 meter encik akan berjumpa simpang tiga…….. |
| | **Aras 2**<br><br>i. Mendengar dan menerima arahan dengan betul untuk bertindak balas.<br><br>ii. Melaksanakan arahan serta pesanan dengan cepat dan tersusun. | • Mendengar rakaman tugasan dan berbincang untuk melaksanakannya.<br><br>• Murid menyemak hasil kerja dengan arahan yang diberikan untuk memastikan ketepatan. |
| | **Aras 3**<br><br>i. Meneliti arahan dan pesanan untuk membuat tindakan wajar.<br><br>ii. Melaksanakan arahan serta pesanan mengikut keutamaan. | • Murid berbincang untuk menyediakan arahan bagi menganjurkan sesuatu majlis.<br>Contoh: Jamuan akhir tahun.<br><br>• Menyusun dan melaksanakan arahan mengikut urutan dan keutamaan berdasarkan tugasan yang diberi. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 1.4 Menyatakan permintaan secara berterus terang dan meyakinkan dengan menggunakan intonasi dan paralinguistik yang sesuai untuk menguatkan permintaan. | **Aras 1** | |
| | i. Memilih dan menggunakan kata dan ayat yang sesuai untuk menyatakan sesuatu permintaan. | • Simulasi membeli barang di kantin.<br>Contoh :<br><u>Berikan saya</u> semangkuk laksa |
| | ii. Menyatakan sebab untuk menyokong sesuatu permintaan. | • Menyatakan sesuatu permintaaan berserta alasan.<br>Contoh :<br>Cikgu Siti, <u>izinkan saya</u> menelefon ibu <u>kerana</u> saya berasa kurang sihat. |
| | **Aras 2** | |
| | i. Menggunakan kata dan ayat yang sesuai untuk meyakinkan pihak lain dalam menyatakan permintaan. | • Simulasi penjual cuba mempengaruhi pembeli untuk membeli sesuatu barangan.<br>Contoh :<br>Encik tawaran ini hanya untuk minggu ini sahaja. |
| | **Aras 3** | |
| | i. Menyatakan hasrat dengan mengemukakan alasan untuk mengukuhkan permintaan. | • Menjalankan simulasi berdasarkan situasi yang dirancang<br>Contoh :<br>Meminta kebenaran ibu bapa untuk menyertai perkhemahan sekolah.<br>Contoh ayat :<br>Ibu, saya perlu menyertai perkhemahan kerana saya telah dilantik menjadi ketua. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 1.5 Memberikan penjelasan tentang sesuatu perkara yang tersurat dan tersirat dengan menggunakan kata, ungkapan, dan ayat yang sesuai. | **Aras 1**<br><br>i. Menjelaskan isi yang tersurat dan tersirat berdasarkan sesuatu topik yang dibualkan. | • Murid membaca dan memahami petikan.<br><br>• Berbincang untuk mengenal pasti isi yang tersurat.<br><br>• Murid menyenaraikan isi yang tersirat berdasarkan topik.<br><br>Topik: Pencemaran sungai |

| Tersurat | Tersirat |
|---|---|
| 1. Buang sampah ke dalam sungai. | – Sikap<br>– Rumah setinggan<br>– Air sungai tercemar |

<table>
<tr><th>Hasil Pembelajaran</th><th>Huraian Hasil Pembelajaran</th><th>Cadangan Aktiviti/Nota</th></tr>
<tr><td></td><td>Aras 2<br><br>i. Menghubungkaitkan dan menjelaskan isi tersurat dan tersirat dalam sesuatu bahan.</td><td>• Berbincang tentang bahan rangsangan.<br>Contoh :<br>Poster Hapuskan Denggi<br><table><tr><th>Yang Tersurat</th><th>Yang Tersirat</th></tr><tr><td>1. Tin-tin kosong</td><td>1. Menjaga kebersihan kawasan.</td></tr><tr><td>2. Gigitan nyamuk</td><td>2. Tidur gunakan kelambu.</td></tr><tr><td>3. Rawatan</td><td>3. Berjumpa dengan doktor segera.</td></tr></table></td></tr>
<tr><td></td><td>Aras 3<br><br>i. Membuat perbandingan maklumat tersurat untuk menjelaskan maksud tersirat.</td><td>• Murid menyenaraikan isi-isi yang tersurat berdasarkan petikan yang dibaca.<br><br>• Murid membandingkan isi-isi tersurat untuk menjelaskan maksud tersirat.</td></tr>
</table>

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 1.6 Menyatakan sesuatu kemahuan semasa menjalankan transaksi dalam urusan harian untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan. | **Aras 1**<br><br>i. Menggunakan kata dan istilah yang betul semasa berurusan.<br><br>ii. Menyoal untuk mendapatkan penjelasan tentang sesuatu perkhidmatan yang diperlukan. | • Menjalankan simulasi aktiviti berjual beli di kedau buku.<br>Contoh dialog :<br>Pembeli : Saya ingin membeli sebuah kamus.<br>Penjual : Apakah jenis kamus yang encik perlukan?<br>Pembeli : Saya perlukan kamus Bahasa Melayu – Inggeris |
| | **Aras 2**<br><br>i. Berunding dengan sopan untuk mendapatkan persetujuan dalam berurusan. | • Menjalankan aktiviti main peranan sebagai pekedai runcit dan pembeli.<br>Contoh dialog :<br>Pembeli : Pakcik, bolehkah pakcik tolong hantarkan barang-barang ini ke rumah saya?<br>Penjual : Maaflah Halim. Pakcik tak dapat menghantarnya sebab pakcik sibuk hari ini.<br>Pembeli : Saya hendak ke sekolah. Pakcik hantar lewat sikit pun tak apa. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Memujuk dengan menggunakan ayat dan intonasi yang sesuai untuk mendapatkan keyakinan semasa berurusan. | • Menjalankan aktiviti lakonan berdasarkan situasi yang diberikan.<br>Contoh situasi : Jualan langsung<br>Contoh ayat :<br>Penjual : Encik, barang ini keluaran baru.<br>Pembeli : Saya sudah ada barang seperti itu.<br>Penjual : Tapi encik, barangan kami ini berteknologi tinggi dan diluluskan oleh SIRIM.<br>Pembeli : Betul ke ni?<br>Penjual : Betul encik. Biar saya tunjukkan cara kepada encik. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| **2.0 Bercerita dan melaporkan sesuatu perkara yang didengar, ditonton, dibaca atau dialami** | | |
| 2.1 Bercerita dengan menggunakan kata, frasa, ayat serta sebutan dan intonasi yang baik dan jelas. | **Aras 1** | |
| | i. Memilih diksi yang sesuai untuk menyampaikan sesuatu cerita. | • Murid menyenaraikan diksi yang sesuai dengan gambar. |
| | ii. Menyampaikan cerita dengan menggunakan diksi yang telah dipilih. | • Murid menyampaikan cerita tentang gambar dalam kumpulan masing-masing. |
| | **Aras 2** | |
| | i. Bercerita berdasarkan bahan yang telah dibaca dengan menggunakan pelbagai pola ayat. | • Murid membaca cerita yang diedarkan secara individu.<br>• Murid menceritakan semula cerita yang telah dibaca dengan menggunakan gaya bercerita tersendiri. |
| | **Aras 3** | |
| | i. Mempersembahkan cerita dengan sebutan, intonasi, dan penghayatan yang sesuai. | • Murid membaca dan menghayati petikan cerita yang diberikan.<br>• Berbincang tentang perkara-perkara yang menarik dalam cerita. |
| | ii. Menerangkan watak yang terdapat dalam cerita. | • Menyampaikan cerita dengan gaya yang sesuai dan menarik. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 2.2 Melaporkan sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang sesuai dan tepat. | **Aras 1**<br><br>i. Mengemukakan data yang diperoleh tentang sesuatu perkara. | • Mencari dan mengumpul maklumat yang berkaitan dengan tajuk secara kumpulan.<br>Contoh : Tanaman utama di Malaysia<br><br>• Menyenaraikan maklumat yang diperoleh.<br><br>• Membentangkan hasil data yang diperoleh. |
| | **Aras 2**<br><br>i. Membentangkan hasil rumusan berdasarkan sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang betul. | • Mengumpul maklumat dengan membuat rujukan.<br><br>• Menganalisis dan berbincang untuk membuat rumusan.<br><br>• Membentang rumusan.<br>Contoh : Cara murid Tahun 5 Bestari datang ke sekolah.<br><br>20 orang murid datang ke sekolah dengan menaiki bas sekolah.<br>10 orang murid menunggang basikal.<br>5 orang murid menaiki kereta.<br>5 orang murid berjalan kaki.<br><br>Rumusan :<br>Ramai murid datang ke sekolah dengan menaiki bas. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Membentangkan penemuan dan dapatan secara jelas dan terperinci. | • Murid membuat projek secara berkumpulan.<br>Contoh : Folio Tokoh Tempatan<br><br>• Murid membentangkan hasil kerja.<br>Contoh : Murid menceritakan tokoh kajian mereka. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| **3.0 Menyampaikan maklumat dalam pengucapan yang mudah, betul, menarik, dan berkesan**<br><br>3.1 Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara atau tajuk dengan menggunakan kata, istilah, frasa, struktur ayat yang betul, dan laras bahasa yang sesuai. | **Aras 1**<br><br>i. Mengelaskan maklumat berdasarkan sesuatu topik yang dibincangkan.<br><br>ii. Menyampaikan maklumat yang bernas dengan jelas dan tersusun. | • Murid berbincang untuk membuat pengelasan sesuatu topik berdasarkan tugasan yang diberikan oleh guru.<br>Contoh :<br><br>• Membuat pembentangan. |

<table>
<tr><th>Hasil Pembelajaran</th><th>Huraian Hasil Pembelajaran</th><th>Cadangan Aktiviti/Nota</th></tr>
<tr><td></td><td>Aras 2<br><br>i. Mengkategorikan isi berdasarkan topik yang dibincangkan.<br><br>ii. Mengemukakan sesuatu maklumat dengan menggunakan laras bahasa yang sesuai.<br><br>Aras 3<br><br>i. Menganalisis data berdasarkan sesuatu perkara.<br><br>ii. Membentangkan hasil analisis secara tepat.</td><td>• Murid diberi tugasan untuk membuat iklan.<br>Contoh : Pertandingan Merentas Desa Anjuran Belia Kg. Tersusun<br><br>• Murid berbincang untuk menyusun kategori penyertaan.<br>Contoh :<br>Kategori A : Kanak-kanak lelaki bawah 12 tahun.<br>Kategori B : Kanak-kanak perempuan bawah 12 tahun.<br>Kategori C : Dewasa perempuan<br>Kategori D : Dewasa lelaki<br>Kategori E : Veteran perempuan<br>Kategori F : Veteran lelaki<br><br>• Murid menyampaikan maklumat.<br><br>• Murid memberikan markah peperiksaan bagi empat mata pelajaran.<br><br>• Murid berbincang untuk membuat analisis.<br><br>• Membentangkan hasil perbincangan sesuatu topik yang dianalisis.<br>Contoh :<br>– bilangan lulus<br>– bilangan gagal</td></tr>
</table>

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 3.2 Menghuraikan maklumat dengan menggunakan alasan yang meyakinkan. | **Aras 1**<br><br>i. Membentangkan dapatan tentang sesuatu isu dengan memberikan penjelasan yang setimpal. | • Murid meneliti sesuatu isu yang diberikan.<br>Contoh : Banyak murid tidak bersarapan sebelum ke sekolah.<br><br>• Mencari sebab-sebab mengapa tidak bersarapan.<br><br>• Membentangkan hasil perbincangan. |
| | **Aras 2**<br><br>i. Mengembangkan idea berdasarkan pemerhatian dengan menyatakan bukti yang sahih. | • Guru menayangkan dokumentari tentang "Sungai Kita."<br><br>• Menjelaskan pendapat berserta maklumat sokongan tentang sesuatu tugasan yang dijalankan.<br>Contoh:<br>Pemerhatian tentang pencemaran sungai. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Menerangkan sebab dan akibat tentang sesuatu isu dengan mengemukakan bukti yang konkrit. | • Membahaskan tajuk atau isu yang dikemukakan.<br>Contoh isu : Kitar Semula<br><br>• Membuat rumusan berdasarkan sebab dan akibat sesuatu isu yang diperkatakan. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 3.3 Menyampaikan maklumat kepada pihak lain dalam aktiviti yang terancang. | **Aras 1**<br><br>i. Mengemukakan hujah yang bernas tentang sesuatu topik dengan intonasi dan sebutan yang betul. | • Menonton pita rakaman pidato.<br><br>• Berbincang untuk mencari isi dan mengembangkan isi tentang tajuk yang diberikan.<br><br>• Menyampaikan pidato dengan sebutan yang betul dan gaya yang menarik. |
| | **Aras 2**<br><br>i. Menyampaikan pengucapan umum tentang sesuatu tajuk dengan menggunakan diksi, ayat, sebutan, intonasi, dan gaya yang sesuai. | • Berbincang untuk memilih diksi yang sesuai bagi menyediakan skrip pengacara majlis. Contoh : Majlis Hari Guru<br><br>• Mengadakan simulasi mempengerusikan majlis sambutan Hari Guru. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Melahirkan perasaan dengan menggunakan bahasa puitis berdasarkan sesuatu tema. | • Menggunakan teknik PERMATA (Permainan kata-kata) untuk memilih diksi yang sesuai dengan tema puisi.<br><br>• Berbincang secara berkumpulan untuk mencipta puisi berdasarkan tema yang diberikan.<br>Contoh : Sajak Hari Ibu<br><br>• Menyampaikan puisi yang dicipta dengan penuh perasaan. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| **4.0 Berbincang tentang tajuk-tajuk yang relevan secara bertatasusila** | | |
| 4.1 Mengemukakan idea, pandangan, dan pendapat tentang sesuatu perkara secara terperinci, tepat, dan tersusun. | **Aras 1**<br>i. Mengamati idea dalam perbincangan untuk memberikan pendapat.<br>ii. Menerangkan idea yang dikemukakan dengan jelas. | • Mengenal pasti isi penting dalam taklimat yang disampaikan.<br>• Mengemukakan dan menjelaskan pendapat berdasarkan isi penting yang diperoleh. Contoh : Taklimat Kempen Kebersihan |
| | **Aras 2**<br>i. Menyumbang idea yang bernas dalam sesuatu perbincangan.<br>ii. Membandingkan dan membezakan idea pihak lain dengan idea sendiri. | • Membuat sumbangsaran berdasarkan sesuatu tajuk.<br>• Bertukar-tukar idea dalam sesuatu perkara mengikut kumpulan perbincangan (trade idea) |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Menganalisis idea yang dikemukakan untuk memberikan respons.<br><br>ii. Mendengar dan menerima pendapat orang lain dengan rasional. | • Mendengar sesuatu pembentangan dan membincangkan topik tersebut.<br><br>• Mengemukakan soalan kepada pembentang tentang topik yang dibincangkan.<br><br>• Memberikan reaksi terhadap maklum balas yang diterima.<br>Contoh : Saya setuju dengan pendapat anda. |

<table>
<tr><th>Hasil Pembelajaran</th><th>Huraian Hasil Pembelajaran</th><th>Cadangan Aktiviti/Nota</th></tr>
<tr>
<td>4.2 Mengemukakan komen yang sesuai berdasarkan pemerhatian, pengalaman, dan maklumat yang disampaikan oleh pihak lain.</td>
<td>Aras 1<br><br>i. Mengelaskan kekuatan dan kelemahan sesuatu maklumat yang diterima.<br><br>ii. Menyusun idea tentang sesuatu isu untuk membuat komen.<br><br>Aras 2<br><br>i. Menghuraikan maklumat untuk memberikan teguran yang positif dan meyakinkan.</td>
<td>• Mendengar dengan teliti maklumat yang disampaikan oleh rakan.<br>Contoh : Sikap rakan<br>peramah<br>rajin<br>sensitif<br>pemurah<br>garang<br><br>• Mengkategorikan maklumat mengikut kumpulan.<br><table><tr><th>Sikap positif</th><th>Sikap negatif</th></tr><tr><td></td><td></td></tr></table><br>• Mendengar dengan teliti pembentangan sesuatu pihak.<br><br>• Memberikan pandangan yang membina tentang pembentangan yang didengar.</td>
</tr>
</table>

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Membandingkan maklumat yang diterima untuk memberikan teguran. | • Meneliti maklumat yang diterima.<br><br>• Berbincang bagi menentukan ketepatan maklumat yang diterima.<br><br>• Memberikan ulasan berkaitan maklumat yang diterima. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 4.3 Mengemukakan hujah untuk menyokong atau menentang pendirian dengan memberikan alasan yang sesuai secara sopan. | **Aras 1**<br><br>i. Memberikan hujah secara spontan untuk membidas hujah lawan. | • Berbincang dalam kumpulan untuk menolak atau menyokong sesuatu pendapat bagi mematahkan hujah lawan. |
| | **Aras 2**<br><br>i. Menyatakan pendirian sendiri untuk menolak hujah lawan dengan sopan. | • Berhujah dengan mengemukakan pendapat sendiri tentang sesuatu pekara yang dibincangkan. |
| | **Aras 3**<br><br>i. Membidas hujah lawan dengan memberi alasan yang wajar secara sopan. | • Perbahasan tentang sesuatu topik.<br><br>• Mendengar dengan teliti hujah yang dikemukakan oleh pihak lain.<br><br>• Berbincang secara berpasangan untuk mencari idea membalas hujah pihak lain.<br><br>• Menyampaikan hujah berserta alasan yang relevan dengan nada yang sesuai. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 4.4 Menyatakan pilihan untuk menerima atau menolak pendapat dalam perundingan untuk mencapai kata sepakat. | **Aras 1**<br><br>i. Meneliti maklumat untuk membuat pilihan.<br><br>ii. Mengemukakan alasan untuk menerima atau menolak sesuatu pendapat. | • Membuat keputusan dengan menyatakan alasan yang munasabah.<br>Contoh: Memilih tempat lawatan<br>i. tempat bersejarah<br>ii. tempat rekreasi<br><br>Contoh alasan :<br>– tempat bersejarah<br>– kos rendah<br>– menambah ilmu<br>– sesuai dengan aktiviti kelab/persatuan |
| | **Aras 2**<br><br>i. Mempertimbangkan alasan untuk menerima atau menolak pandangan dalam sesuatu perundingan. | • Menjalankan simulasi sesi perbincangan berkaitan sesuatu aktiviti.<br>Contoh : Sambutan Hari Kanak-Kanak.<br><br>• Mendengar pandangan yang dikemukakan oleh rakan.<br><br>• Mengemukakan alasan yang sesuai untuk menerima atau menolak pandangan rakan. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Menolak atau menerima pandangan dengan memberikan alasan yang rasional dalam sesuatu perundingan. | • Murid diberi dua pilihan untuk membuat satu keputusan.<br><br>• Murid bermuafakat untuk mengambil keputusan.<br><br>• Murid mengemukakan keputusan dan alasan dalam membuat pilihan. |

Kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan ilmu dan sastera secara kritis dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan. Di samping itu, murid berupaya menghayati teks yang dibaca.

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| **5.0 Membaca kuat dengan kelancaran sebutan, intonasi dan gaya pembacaan yang sesuai** | | |
| 5.1 Membaca kuat perkataan dan ayat dengan sebutan dan intonasi yang betul dan memahami perkara yang dibaca. | **Aras 1**<br>i. Membaca perkataan, frasa dan ayat yang mengandung ayat tunggal dan ayat majmuk dengan sebutan dan intonasi yang betul.<br>ii. Menerangkan makna perkataan dan maksud frasa serta ayat. | • Membaca secara luncuran untuk mendapatkan idea keseluruhan tentang teks.<br>• Membaca secara imbasan untuk mengecam isi dalam perenggan.<br>• Membaca secara mekanis (individu atau kumpulan)<br>• Merujuk kepada kamus untuk mendapatkan makna yang tepat. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 2**<br><br>i. Membaca pelbagai jenis ayat dengan memberikan penekanan pada intonasi berdasarkan tanda baca.<br><br>ii. Menjelaskan isi-isi penting yang terdapat dalam teks. | • Membaca teks yang diberikan dengan gaya penyampaian yang baik.<br><br>• Menyenaraikan isi-isi penting menggunakan borang pengurusan grafik.<br>Contoh:<br> |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Membaca ayat dalam teks dengan sebutan dan intonasi yang betul.<br><br>ii. Menghuraikan maksud ayat dalam teks. | • Menjalankan teknik SQ3R :<br>– Membaca secara luncuran<br>– Membina soalan-soalan untuk mengetahui isi tentang teks yang akan dibaca.<br><br>• Membaca secara pantas.<br>Nota: Guru tetapkan masa bagi murid membaca.<br>Contoh : 20 saat<br><br>• Membaca secara senyap.<br><br>• Cuba menjangka soalan-soalan ramalan.<br><br>• Membuat pilihan jawapan mengikut keutamaan.<br><br>Contoh:<br>Faedah Bersukan:<br>i. menjaga kesihatan<br>ii. sosial<br>iii. mengisi masa lapang<br><br>Nota: Teknik SQ3R — Kaedah Penyoalan (5 WIH)<br>- Survey — - How<br>- Question — - What<br>- Read — - When<br>- Recite — - Why<br>- Review — - Who |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 5.2 Membaca kuat teks prosa dan puisi dengan sebutan dan intonasi yang betul dan lancar serta memahami perkara yang dibaca. | **Aras 1** | |
| | i. Membaca bahan sastera dan bukan sastera dengan sebutan dan intonasi yang betul. | • Mengamati bahan grafik dan teks prosa Contoh : brosur, iklan, peta, teks naratif, puisi<br>• Mengumpul maklumat-maklumat penting berdasarkan bahan yang dibaca. |
| | ii. Menerangkan teks yang dibaca secara ringkas. | • Menyampaikan maklumat yang terdapat dalam bahan yang dibaca. |
| | **Aras 2** | |
| | i. Membaca bahan sastera dan bukan sastera dengan sebutan dan intonasi yang betul serta gaya yang sesuai. | • Mengungkapkan puisi dengan sebutan dan intonasi yang betul. Contoh : Pantun, Sajak, Syair |
| | ii. Menghuraikan maklumat yang diperoleh daripada bahan yang dibaca. | • Menyatakan nilai daripada puisi yang dibaca. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Membaca teks pelbagai laras degan sebutan, dan intonasi yang betul serta gaya yang sesuai.<br><br>ii. Memahami isi kandungan teks yang dibaca. | • Menyebut diksi yang sesuai dengan laras teks yang dibaca.<br>Contoh :<br>Laras Sains<br>– kondensasi<br>– pola<br><br>Laras Matematik<br>– mengumpul semula<br>– membundarkan<br><br>Laras Sastera<br>– Hikayat (bermaksud cerita)<br><br>• Menggayakan aksi sebagai penyampai berita atau pengulas sukan. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| **6.0 Membaca dan memahami maklumat yang terdapat dalam pelbagai teks** | | |
| 6.1 Membaca dan merujuk pelbagai sumber untuk mendapatkan maklumat bagi tajuk yang sedang dikaji termasuk maklumat daripada internet. | **Aras 1**<br><br>i. Merujuk kepada kamus untuk mencari makna, sebutan yang betul, ejaan, dan penggunaan perkataan yang tepat. | • Mencerakinkan perkataan mengikut abjad untuk mencari makna.<br>Contoh : Permainan mencari makna perkataan dalam kamus secara kumpulan. (10 patah perkataan dalam masa 10 minit)<br><br>• Senaraikan makna perkataan. |
| | **Aras 2**<br><br>i. Merujuk kepada ensiklopedia dan tesaurus untuk mendapatkan maklumat. | • Menjalankan teknik imbasan untuk mencari maklumat dalam ensiklopedia dan makna dalam tesaurus.<br><br>Cadangan:<br>i. melihat indeks abjad untuk mencari makna/maklumat.<br>ii. meneliti keterangan makna/maklumat.<br>iii. membuat pilihan jawapan mengikut konteks. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
| --- | --- | --- |
| | **Aras 3**<br><br>i. Mengakses maklumat daripada laman web atau pelbagai sumber. | • Mengecam maklumat yang dikehendaki dan 'muat turun' (download).<br><br>• Memilih laman web yang sesuai untuk mendapatkan maklumat berkaitan tajuk yang dikaji.<br><br>Contoh: Merujuk laman web Portal Pendidikan www.tutor.com.my untuk mendapat contoh soalan latihan. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 6.2 Membaca dan mengenal pasti pelbagai genre penulisan. | **Aras 1** | |
| | i. Mengenal pasti penggunaan kata, frasa, ayat, dan peribahasa dalam sesuatu genre. | • Membaca, meneliti dan menggarisi kata, frasa, ayat, dan peribahasa yang terdapat dalam sesuatu petikan.<br><br>• Menyatakan jenis genre yang dibaca<br>Contoh :<br>Laporan Puisi<br>Naratif Peribahasa |
| | **Aras 2** | |
| | i. Menyatakan perbezaan penggunaan laras bahasa yang terdapat dalam pelbagai genre. | • Membandingkan sajak dengan pantun.<br><br>• Mengetahui penggunaan format yang betul dengan genre.<br><br>Contoh:<br>pantun (ada rangkap) |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Menyatakan ciri-ciri penulisan genre. | • Menjelaskan ciri-ciri penulisan genre.<br>Contoh :<br>i. Surat tidak rasmi – alamat pengirim, tarikh, kata-kata menghadap surat, pemerengganan, tandatangan.<br>ii. Surat rasmi – alamat pengirim, alamat penerima, tarikh, tajuk, pemerengganan, penutup, tandatangan<br>iii. Laporan – tajuk, pemerengganan, tandatangan serta jawatan pelapor, tarikh.<br>iv. Syarahan – kata alu-aluan, kata penegas, penutup.<br>v. Cerpen – cerita kanak-kanak lebih kurang 150 perkataan.<br><br>• Mengelaskan teks mengikut genre penulisan.<br>Contoh:<br>- mengelompokkan surat tidak rasmi, surat rasmi, laporan, syarahan dan cerpen. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 6.3 Membaca dan mengenal pasti isi utama dan isi sampingan daripada teks. | **Aras 1**<br><br>i. Membaca dan mengecam isi-isi penting daripada pelbagai bahan bacaan. | • Murid membaca teks yang diberikan secara luncuran.<br><br>• Menyatakan isi-isi yang diperoleh daripada perenggan yang dibaca menggunakan teknik SQ3R.<br><br>• Mengecam ayat topik dalam perenggan, melalui bacaan imbasan dalam perbincangan. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 2**<br><br>i. Membaca dan mengenal pasti idea utama dan idea sokongan yang terdapat dalam teks. | • Membaca teks secara imbasan untuk mendapatkan gambaran keseluruhan teks.<br><br>• Membaca teks secara luncuran untuk mendapatkan maklumat.<br><br>• Berbincang dengan rakan untuk menyatakan ayat topik dan ayat huraian dalam sesuatu perenggan.<br>Keterangan:<br>Ayat topik - isi utama dalam perenggan.<br>Ayat huraian - ayat keterangan yang menjelaskan lagi ayat topik dalam perenggan.<br><br>• Menerangkan ayat topik dan ayat huraian dalam sesuatu perenggan yang dibaca.<br><br>Cadangan aktiviti: kaedah kumpulan |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Mengemukakan idea utama dan idea sokongan yang terdapat dalam bahan bacaan. | • Membaca teks secara imbasan untuk mendapatkan gambaran keseluruhan teks.<br><br>• Membaca teks secara luncuran untuk mendapatkan maklumat.<br><br>• Mengenal pasti isi-isi penting dan isi-isi sokongan dalam teks.<br><br>• Melaporkan isi-isi penting dan isi-isi sokongan dalam teks. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 6.4 Membaca pantas secara luncuran untuk mendapatkan maklumat yang menyeluruh. | **Aras 1** | |
| | i. Membaca tajuk-tajuk kecil daripada teks untuk mendapatkan gambaran umum. | • Membaca tajuk-tajuk kecil dalam sesebuah buku untuk mendapatkan idea keseluruhan. |
| | ii. Membaca ayat pertama dalam perenggan bagi sesuatu teks untuk mendapatkan idea. | • Menyatakan idea keseluruhan tentang tajuk-tajuk kecil berdasarkan buku yang dibaca. |
| | **Aras 2** | |
| | i. Membaca bahagian pengenalan sesebuah teks. | • Membaca bahagian pengenalan sesebuah buku untuk mendapatkan gambaran keseluruhan sesebuah buku.<br>• Menyatakan maklumat keseluruhan yang terdapat dalam pengenalan sesebuah teks. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Membaca indeks, glosari atau bibliografi sesuatu teks atau buku untuk mendapatkan maklumat lanjut. | • Meneliti maklumat khusus dalam sesebuah teks.<br>Contoh:<br>Bibliografi – senarai buku yang dirujuk dalam menghasilkan sesebuah karya.<br><br>• Murid membuat rumusan daripada maklumat yang diperoleh. |

<table>
<tr><th>Hasil Pembelajaran</th><th>Huraian Hasil Pembelajaran</th><th>Cadangan Aktiviti/Nota</th></tr>
<tr><td>6.5 Membaca pantas secara imbasan untuk mendapatkan maklumat khusus.</td><td>Aras 1<br><br>i. Membaca dan mencari fakta yang relevan.</td><td>• Guru memberikan tugasan.<br>Contoh:<br><br>Punca-punca pencemaran sungai<br>1)<br>2)<br>3)<br>4)<br>5)<br><br>• Membaca secara imbasan untuk mendapatkan maklumat khusus daripada teks.<br><br>• Menyatakan fakta yang sesuai dengn tajuk.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Hasil Pembelajaran</th><th>Huraian Hasil Pembelajaran</th><th>Cadangan Aktiviti/Nota</th></tr>
<tr><td></td><td>Aras 2<br><br>i. Mengimbas fakta yang relevan daripada pelbagai bahan untuk mengukuhkan maklumat.<br><br>Aras 3<br><br>i. Mengumpul maklumat secara imbasan untuk membuat keputusan.</td><td>• Murid secara berkumpulan mencari maklumat daripada pelbagai sumber.<br>Contoh : internet<br>ensiklopedia<br>brosur<br><br>• Menyatakan fakta yang munasabah menggunakan teknik KWLH.<br>Contoh tajuk : Sekolah Selamat<br><br><table><tr><th>Know</th><th>What</th><th>Learn</th><th>How</th></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr></table><br>Nota:<br>Know - apa yang murid tahu<br>What - apa yang murid ingin tahu<br>Learn - apa yang murid pelajari<br>How - bagaimana mendapatkan maklumat<br><br>• Mengenal pasti maklumat khusus.<br><br>• Murid mendapatkan maklumat tentang sesuatu perkara yang diperlukan daripada pelbagai sumber.<br><br>• Menyusun maklumat mengikut keutamaan.<br><br>• Berbincang untuk membuat keputusan.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Hasil Pembelajaran</th><th>Huraian Hasil Pembelajaran</th><th>Cadangan Aktiviti/Nota</th></tr>
<tr>
<td>6.6 Membaca dan membuat ramalan berdasarkan sesuatu cerita atau maklumat yang diberikan dalam bahan ilmu.</td>
<td>Aras 1<br><br>i. Mengumpul maklumat daripada bahan yang dibaca untuk membuat ramalan.<br><br>ii. Menentukan kesesuaian maklumat yang terdapat dalam teks untuk membuat ramalan.</td>
<td>
• Murid diberikan keratan akhbar tentang sesuatu isu.<br>Contoh : Harimau Menyerang Manusia<br><br>
• Membaca dan mengumpul maklumat secara berpasangan.<br><br>
• Murid melengkapkan borang lembaran pengurusan grafik untuk membuat ramalan.<br><br>
Tajuk: Harimau Menyerang Manusia<br><br>
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Kemungkinan</th><th>Alasan</th><th>Ya</th><th>Tidak</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Murid tidak pergi ke sekolah.</td><td>Takut diserang harimau.</td><td>/</td><td></td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Penduduk tidak keluar menoreh getah.</td><td>Bimbang diserang harimau.</td><td>/</td><td></td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Pegawai Perhilitan datang.</td><td>Untuk menangkap harimau.</td><td></td><td>/</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Kampung menjadi terkenal.</td><td>Tersiar di surat khabar dan media elektronik.</td><td>/</td><td></td></tr>
</table>
<br>
Rumusan: Haiwan telah mengganggu ketenteraman penduduk kampung.
</td>
</tr>
</table>

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 2**<br><br>i. Membuat ramalan berdasarkan idea yang berkaitan dengan cerita dan isu yang diberi. | • Murid menonton tayangan gambar bahagian pertengahan cerita.<br>Contoh: Cerita Lubuk Kulit (Rujuk CD BTP di PSPN)<br><br>• Berbincang untuk mendapatkan fakta-fakta yang penting.<br><br>• Meramalkan pendahuluan atau kesudahan cerita (menggunakan borang LPG). |

| Pendahuluan | Kemudahan |
|---|---|
| | |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Menganalisis maklumat yang terdapat dalam teks untuk mendapat kewajaran ramalan. | • Meneliti bahan grafik yang disediakan.<br>Contoh:<br>Analisis Ujian B.Inggeris Penggal 1.<br>Kelas-kelas Tahun 5<br><br>• Menghubungkaitkan maklumat daripada ramalan.<br><br>• Berbincang untuk membuat kesimpulan.<br>Contoh: Pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris lemah kerana:<br>– kurang pendedahan<br>– kurang membaca bahan bacaan Bahasa Inggeris |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| **7.0 Membaca, menaakul, dan menghayati kandungan teks yang dibaca**<br><br>7.1 Membaca dan menerangkan maksud kandungan teks yang tersurat dan tersirat. | **Aras 1**<br><br>i. Membuat andaian tentang sesuatu perkara yang tersirat berdasarkan maklumat yang tersurat.<br><br>ii. Menyatakan andaian yang dibuat secara ringkas. | • Membuat inferens berdasarkan maklumat tersurat atau data yang terdapat dalam teks.<br>Contoh : Masalah keracunan makanan di sekolah.<br><br>– Menggunakan borang LPG. |

| Tersurat | Tersirat |
|---|---|
| 1. Kawasan kantin sentiasa kotor. | 1. Pekerja tidak mencukupi untuk membersih kawasan. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 2**<br><br>i. Menjelaskan maksud tersurat dan tersirat berdasarkan bahan grafik dan bukan grafik. | • Memberikan penerangan berdasarkan bahan grafik.<br>Contoh : rantai makanan<br><br><br><br><br>Maksud tersirat:<br>– Walaupun ular berbisa tetapi dapat dikalahkan dan dimakan oleh helang.<br>– Ular akan bertambah banyak dan mengancam kehidupan kerana bisanya, jika tidak dimakan oleh helang. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Membuat kesimpulan tentang maksud tersurat dan tersirat berdasarkan bahan grafik dan bukan grafik. | • Berbincang untuk mencari isi-isi tersurat daripada teks yang dibaca.<br>Contoh : komputer penting dalam pembelajaran<br><br>• Menyenaraikan isi-isi tersirat<br>Contoh :<br>– pengajaran menarik<br>– menarik minat<br><br>• Menyatakan kesimpulan bagi kumpulan masing-masing.<br>Contoh:<br><br> |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 7.2 Membaca dan mengenal pasti perkataan, pelbagai jenis ayat, dan gaya bahasa daripada teks sastera dan bukan sastera. | **Aras 1**<br>i. Mengecam diksi, istilah, dan ayat yang memberikan kesan dengan menyatakan sebab. | • Membaca dan menghayati isi kandungan teks.<br>Contoh : dialog<br>• Berbincang secara berpasangan untuk mengenal pasti diksi yang memberikan kesan. |
| | **Aras 2**<br>i. Memilih ayat yang memberikan kesan dalam teks prosa dan puisi dengan menyatakan alasan. | • Membaca dan menghayati teks.<br>Contoh : cerpen<br>• Berdiskusi untuk memastikan ayat yang berunsur sedih dengan memberikan alasan. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Mengklasifikasikan pelbagai jenis ayat yang memberikan kesan dengan mengemukakan alasan. | • Membaca dan menghayati teks<br>Contoh : cerita kanak-kanak :<br>Pak Pandir – kesannya jangan bertindak tanpa berfikir<br>Batu Belah Batu Bertangkup - kesannya janganlah merajuk<br><br>• Berbincang untuk memilih ayat yang memberi kesan kepada pembaca.<br>Contoh:<br>– Ayat yang mencuit hati<br>Pak Pandir menjemput kambing yang disangka Pak Lebai.<br>– Ayat yang mempunyai nilai murni<br>Jangan makan telur ikan kepunyaan emak.<br><br>• Menyatakan alasan yang munasabah terhadap ayat-ayat yang dipilih. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 7.3 Membaca dan menghayati pelbagai bahan sastera dan bukan sastera yang berkualiti untuk meningkatkan dan memperkukuh minat membaca. | **Aras 1**<br><br>i. Memilih bahan sastera dan bukan sastera yang sesuai untuk dibaca. | • Membaca secara luncuran sesebuah buku dan meramal isi kandungannya.<br>Membaca:<br>- sinopsis: ringkasan yang memberikan gambaran umum.<br>- ilustrasi: gambar untuk menerangkan sesuatu.<br>- isi kandungan: bab yang terkandung<br>- prakata: kata pendahuluan oleh seseorang pengarang.<br>- bilangan halaman: ketebalan sesebuah buku. |
| | **Aras 2**<br><br>i. Mengumpul maklumat tentang isi kandungan bahan yang dibaca. | • Menyenaraikan perkara-perkara yang menarik perhatian murid daripada bahan yang dibaca.<br>Contoh: mata pelajaran Sains.<br>- Haiwan interbrata |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Menceritakan isi kandungan bahan yang dibaca dengan jelas dan terperinci. | • Bercerita.<br>Contoh aktiviti: Teater Bercerita<br>Teknik kaedah kumpulan.<br>– Setiap pelajar diberi skrip dan duduk dalam bentuk ladam kuda.<br>– Murid lain sebagai penonton.<br>– Seorang murid dipilih sebagai pencerita.<br>– Murid-murid lain akan membaca skrip masing-masing apabila tiba giliran.<br>– Proses berulang sehingga tamat cerita.<br><br>• Menyampaikan cerita yang telah dibaca kepada orang lain.<br><br>• Menghuraikan cerita yang telah dibaca. |

Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat, serta mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan kreatif yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan ilmu dan imaginatif.

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 8.0 Menggunakan pelbagai jenis ayat dan wacana dalam penulisan<br><br>8.1 Membina dan menulis perkataan, ayat tunggal, dan ayat majmuk. | **Aras 1**<br><br>i. Menulis perkataan dan pelbagai jenis ayat. | • Membina pelbagai jenis ayat menggunakan satu perkataan yang diberikan.<br>Contoh: cemerlang<br><br>1. Orang yang <u>cemerlang</u> sentiasa berfikiran positif.<br>2. Bagaimanakah cara untuk menjadi murid <u>cemerlang</u>?<br>3. Tahniah, atas kejayaan cemerlang kamu!<br>4. Ayah hendak kamu belajar sehingga lulus dengan <u>cemerlang</u>. |
| | **Aras 2**<br><br>i. Membina ayat tunggal dengan perluasan subjek dan predikat. | • Menambah perkataan pada subjek dan predikat.<br>Contoh:<br><br>1. Pemuda itu abang saya.<br>2. Pemuda <u>berkumis</u> itu abang <u>sulong</u> saya.<br>3. Pemuda berkumis <u>nipis</u> itu abang sulong <u>kesayangan</u> saya. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Membina ayat majmuk dengan menggunakan kata hubung yang tepat. | • Membaca dan memahami ayat tunggal yang diberikan.<br><br>• Menghubungkan beberapa ayat tunggal menjadi ayat majmuk menggunakan kata hubung yang betul. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 8.2 Membina dan menulis ayat tunggal dan ayat majmuk dalam sesuatu penulisan teks tentang sesuatu tajuk. | **Aras 1**<br><br>i. Membina ayat tunggal dan ayat majmuk berdasarkan tajuk. | • Menyenaraikan perkataan yang sesuai dengan tajuk.<br>Contoh tajuk : Buah-buahan Tempatan<br><br><br>• Membina ayat tunggal dan ayat majmuk daripada perkataan yang terdapat dalam peta minda. |
| | **Aras 2**<br><br>i. Membina perenggan dengan menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk. | • Menyusun atur isi-isi yang relevan dengan tajuk.<br>• Mengkonstruk dan menyusun ayat.<br>• Mengenal pasti penanda wacana untuk menghubungkaitkan idea dalam ayat.<br>• Membina perenggan daripada isi-isi yang telah disusun bersesuaian dengan tajuk. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Menulis cerita berdasarkan sesuatu tajuk dengan menggunakan pelbagai jenis ayat. | • Membuat sumbang saran mencari isi yang berkaitan dengan tajuk dalam bentuk linear, peta minda, nombor atau sebagainya.<br><br>• Menyusun isi-isi yang telah dibincangkan mengikut keutamaan.<br><br>• Membina perenggan yang koheran dan kohesi supaya menjadi sebuah cerita yang lengkap. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 8.3 Menulis perkataan dan ayat dengan tulisan berangkai yang kemas. | **Aras 1**<br>i. Menulis perkataan dengan menggunakan tulisan berangkai yang kemas dan cantik. | • Membaca petikan puisi yang disediakan.<br>• Melihat contoh bentuk tulisan berangkai yang betul.<br>• Menyalin puisi dengan tulisan berangkai yang kemas dan cantik. |
| | **Aras 2**<br>i. Menulis ayat dengan menggunakan tulisan berangkai yang kemas dan betul. | • Membina perenggan dengan menggunakan tulisan berangkai. |
| | **Aras 3**<br>i. Menulis perenggan dengan menggunakan tulisan berangkai yang kemas dan cantik. | • Menulis karangan pendek dengan menggunakan tulisan berangkai berdasarkan tajuk yang diberi. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 8.4 Membina dan menulis ayat topik dan ayat huraian berdasarkan sesuatu perkara. | **Aras 1** | |
| | i. Membina ayat topik yang jelas tentang sesuatu isi. | • Merujuk pelbagai sumber untuk mendapatkan ayat topik. |
| | ii. Menyatakan dan menghuraikan isi utama dengan menggunakan ayat yang gramatis. | • Melaporkan ayat topik yang telah dikenal pasti daripada pelbagai sumber.<br>• Menjelaskan maksud ayat topik.<br>• Membina ayat topik dengan menggunakan kata kunci yang diperoleh. |
| | **Aras 2** | |
| | i. Membina beberapa ayat huraian berdasarkan isi utama. | • Membezakan ayat topik dan ayat huraian.<br>• Mengenalpasti ayat huraian dalam teks yang disediakan.<br>• Menyenaraikan ayat huraian yang telah dikenal pasti.<br>• Membina ayat huraian berdasarkan tajuk. |
| | **Aras 3** | |
| | i. Menulis karangan dengan menggunakan ayat topik dan ayat huraian yang lengkap. | • Mengarang sebuah karangan yang lengkap dengan menggunakan ayat topik dan ayat huraian. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 8.5 Mengenal pasti dan menggunakan penanda wacana yang sesuai dalam satu perenggan atau antara perenggan bagi sesebuah karangan. | **Aras 1**<br><br>i. Memilih dan mengenal pasti penanda wacana.<br><br>ii. Menggunakan penanda wacana yang sesuai dalam ayat. | • Menyenaraikan penanda wacana yang sesuai.<br>Contoh:<br>Namun begitu,…<br>Justeru,…<br>Sehubungan dengan itu,…<br>Di sebalik itu,…<br>Oleh hal yang demikian,…<br><br>• Melengkapkan ayat dengan penanda wacana.<br><br>• Melengkapkan perenggan dengan penanda wacana. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 2**<br><br>i. Menghuraikan isi dengan jelas untuk menghasilkan perenggan yang koheren. | • Menggunakan teknik penyoalan.<br>Contoh : 5WIH<br><br>• Membina soalan dengan menggunakan teknik MASB2D berdasarkan tajuk.<br>Nota: M - Mengapa<br>A - Apa<br>S - Siapa<br>B - Bila<br>B - Bagaimana<br>D - Di mana<br>• Menyusun isi yang berkaitan dalam perenggan. |
| | **Aras 3**<br><br>i. Menghubungkaitkan isi utama dan isi sampingan dengan menggunakan penanda wacana untuk menghasilkan pemerenggganan yang kohesi. | • Mengaitkan pengalaman sedia ada dengan tajuk untuk menentukan isi.<br><br>• Menentukan susun atur perenggan mengikut keutamaan.<br><br>• Memilih dan menyesuaikan penanda wacana untuk pemerenggganan yang kohesi. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 8.6 Membina wacana yang sempurna bagi keseluruhan karangan. | **Aras 1** | |
| | i. Menggunakan pengurusan grafik bagi mengenal pasti isi yang sesuai sebagai kerangka penulisan. | • Membina soalan yang sesuai dengan tajuk untuk membina isi karangan (perbincangan kumpulan).<br>• Mencatat isi dalam bentuk peta minda. |
| | ii. Menulis sebuah karangan yang lengkap bersesuaian dengan format. | • Menulis karangan berdasarkan isi yang diperoleh dengan format yang betul. |
| | **Aras 2** | |
| | i. Membina perenggan isi yang lengkap menggunakan ayat topik dan ayat huraian. | • Membina karangan dengan menggunakan pendekatan proses.<br>Menghasilkan draf<br>↓<br>Mengedit draf pertama dari segi diksi, frasa, ayat<br>↓<br>Menulis karangan lengkap |
| | **Aras 3** | |
| | i. Menulis karangan yang lengkap menepati ciri-ciri wacana yang baik. | • Menghasilkan karangan yang bermutu dari segi pemilihan kata, susunan ayat dan pemerengganan yang baik dengan menggunakan penanda wacana yang sesuai. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| **9.0 Mencatat dan menyusun maklumat** | | |
| 9.1 Mengambil imlak teks yang diperdengarkan. | **Aras 1**<br>i. Mengeja dan menulis perkataan dan rangkai kata yang dibacakan. | • Mengambil imlak daripada bahan yang diperdengarkan. |
| | **Aras 2**<br>i. Menulis ayat yang diperdengarkan dengan menggunakan tanda baca yang betul. | • Memperdengarkan rakaman, mencatat bilangan noktah dan membuat perbandingan.<br>• Mengimlak dan menyemak dalam kumpulan. |
| | **Aras 3**<br>i. Mengambil imlak teks dengan ejaan dan tanda baca yang betul berdasarkan teks yang diperdengarkan. | • Mengimlak daripada bahan yang mengandung pelbagai tanda baca yang diperdengarkan. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 9.2 Mengenal pasti maklumat dan mencatat nota daripada bahan yang didengar atau dibaca. | **Aras 1**<br><br>i. Membuat catatan ringkas daripada maklumat yang diperoleh. | • Mencatat nota daripada pelbagai sumber berkaitan sesuatu tajuk dengan menggunakan carta aliran, peta minda, rajah pokok atau rangka tulang. |
| | **Aras 2**<br><br>i. Mengklasifikasi dan merekodkan maklumat daripada pelbagai sumber. | • Mendengar dengan teliti maklumat yang disampaikan.<br>Contoh : Bacaan berita<br><br>• Merekodkan maklumat dalam bentuk lakaran kerangka.<br><br>• Berbincang untuk menentukan kesesuaian maklumat. |
| | **Aras 3**<br><br>i. Membuat ringkasan berkaitan teks yang dibaca. | • Membaca dan memahami teks yang diberikan.<br>Contoh : Rencana tentang gunung berapi.<br><br>• Berbincang untuk memilih isi-isi penting daripada teks.<br><br>• Menulis ringkasan teks. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 9.3 Menyusun maklumat secara kohesi daripada nota atau catatan hasil daripada bahan yang didengar atau dibaca. | **Aras 1**<br><br>i. Menyusun maklumat menggunakan lakaran berbentuk grafik. | • Guru memberi tugasan untuk membuat bahan grafik.<br>Contoh : iklan<br>Pertandingan nyanyian anjuran Kelab Muzik.<br><br>• Murid berbincang secara berkumpulan untuk menyusun butiran untuk dimuatkan ke dalam poster iklan. |
| | **Aras 2**<br><br>i. Menyusun atur maklumat mengikut keutamaan. | • Berbincang secara berkumpulan untuk menyediakan aturcara sesuatu majlis.<br>Contoh : Hari Anugerah<br><br>• Menyusun maklumat mengikut keutamaan.<br>Contoh yang belum disusun :<br>persembahan murid<br>penyampaian cenderamata<br>upacara perasmian<br>anugerah pencapaian<br>jemputan mengambil tempat<br>doa |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Menterjemahkan maklumat yang terdapat dalam teks prosa ke dalam bentuk grafik. | • Berbincang untuk mendapatkan meklumat yang diperoleh daripada teks.<br><br>• Menulis maklumat daripada bahan prosa dalam bentuk grafik mengikut kreativiti masing-masing. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| **10.0 Menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif** | | |
| 10.1 Menghasilkan pelbagai genre (prosa dan puisi) termasuk e-mel yang mudah, menarik, dan bermakna. | **Aras 1**<br><br>i. Mengenal pasti isi daripada pelbagai sumber berdasarkan tajuk.<br><br>ii. Membina draf karangan yang lengkap. | • Membuat rujukan daripada pelbagai bahan untuk mendapatkan isi berdasarkan tajuk yang diberi.<br>Contoh : majalah, surat khabar, buku, internet.<br><br>• Menyusun isi mengikut keutamaan.<br><br>• Menghasilkan karangan dengan menggunakan isi-isi yang telah disusun.<br><br>• Mengedit hasil kerja mengikut kumpulan. |
| | **Aras 2**<br><br>i. Melakukan transformasi maklumat dalam teks kepada pelbagai genre.<br><br>ii. Menulis karangan menggunakan bahasa deskriptif. | • Tranformasi maklumat - menukar gaya bahasa teks ke satu gaya bahasa lain dalam konteks berbeza.<br>Contoh: Cerita ditukar gayanya kepada laporan / iklan dan sebagainya menggunakan isi kandungan yang sama dan sebaliknya. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Menghasilkan prosa dan puisi secara terancang, tertib, dan kemas dengan menggunakan bahasa yang tepat, indah, dan menarik. | • Berbincang tentang ciri-ciri pantun.<br>Contoh :<br>pembayang<br>maksud<br>suku kata<br>diksi<br>rima<br><br>• Melengkapkan pantun dengan maksud yang sesuai. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 10.2 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan. | **Aras 1**<br><br>i. Mengenal pasti dan membetulkan kesilapan ejaan perkataan dan tanda baca dalam teks. | • Menjalankan penilaian kendiri terhadap hasil kerja.<br><br>• Menilai hasil kerja secara berpasangan.<br><br>• Membetulkan kesilapan ejaan dan tanda baca. |
| | **Aras 2**<br><br>i. Mengenal pasti dan membetulkan kesilapan kosa kata, kesilapan struktur ayat, dan kesilapan penggunaan imbuhan. | • Menilai hasil kerja secara berpasangan.<br><br>• Mengenal pasti kata, frasa, ayat, dan penggunaan imbuhan yang boleh digantikan dengan ungkapan yang lebih baik.<br><br>• Menggantikan perkataan-perkataan yang dipilih.<br>Contoh :<br><u>Penebangan pokok</u> yang berleluasa punca pencemaran <u>di dunia</u>.<br>– pemusnahan flora yang berleluasa punca pencemaran alam. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Membuat pembetulan kesesuaian isi dengan tajuk. | • Membaca hasil karangan dan menilai isi-isi yang telah dimuatkan.<br><br>• Berbincang untuk mengenal pasti isi-isi yang lebih bernas.<br><br>• Membina draf baru menggunakan isi yang telah dicadangkan. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 10.3 Membuat ringkasan daripada bahan yang didengar atau dibaca. | **Aras 1**<br><br>i. Mengecam dan menyusun idea utama daripada petikan yang dibaca. | • Membaca dan memahami teks yang diberi.<br><br>• Mengecam ayat-ayat topik dalam teks.<br><br>• Menyenaraikan ayat-ayat topik. |
| | **Aras 2**<br><br>i. Mencatat isi daripada pelbagai bahan yang dibaca. | • Mencatat isi menggunakan grafik yang diedarkan.<br>Contoh grafik : Rajah pohon<br>Tulang ikan<br>Catatan secara linear<br>Carta Aliran<br><br>• Menyusun isi mengikut keutamaan. |
| | **Aras 3**<br><br>i. Meringkaskan karangan. | • Mendengar dengan teliti bahan yang dibaca.<br><br>• Mencatat maklumat yang terkandung dalam bahan teks yang dibaca.<br><br>• Menyusun maklumat dan mengkonstruk ayat supaya menjadi perenggan yang lengkap. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| **11.0 Membuat ulasan tentang bahan yang didengar, ditonton atau dibaca** | | |
| 11.1 Menyatakan pandangan tentang perkara yang menarik dalam sesebuah karya. | **Aras 1**<br>i. Mengenal pasti perkara yang menarik dalam sesebuah karya.<br>ii. Mengemukakan idea dengan jelas tentang sesebuah karya. | • Membaca karya sastera atau bukan sastera.<br>• Mengimbas kembali perkara-perkara menarik dalam karya yang dibaca.<br>• Mengatakan peristiwa menarik dalam karya yang dibaca.<br>Contoh : mencuit hati, peristiwa gembira, suasana, suspens |
| | **Aras 2**<br>i. Menyatakan pendapat tentang sesebuah karya secara kritis dan kreatif. | • Membaca dan memahami sebuah karya yang dipilih.<br>Contoh : cerpen<br>• Memberikan pendapat tentang karya yang dibaca.<br>Contoh :<br>jalan cerita, watak, latar, dan bahasa |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Merumus pandangan pelbagai pihak tentang sesebuah karya. | • Mendengar pendapat rakan tentang karya yang dibaca.<br>• Berbincang tentang sesuatu unsur sesebuah karya yang dibincangkan.<br>Contoh : latar, watak, plot<br>• Memberikan rumusan hasil perbincangan. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 11.2 Mengulas karya bukan sastera dari segi penggunaan perkataan, idea, ayat, wacana, dan nilai dan pengajaran. | **Aras 1**<br><br>i. Mengecam maklumat yang terdapat dalam teks.<br><br>ii. Menyatakan pandangan tentang mesej dan nilai yang terdapat dalam bahan. | <br><br>• Membaca dan memahami karya berunsur ilmu.<br><br>• Mencatat pelbagai maklumat berkaitan karya yang dibaca.<br>Contoh :<br>– Perkataan baru<br>– Jenis ayat<br><br>• Memberikan pendapat tentang aspek yang dikaji. |
| | **Aras 2**<br><br>i. Menyaring maklumat untuk mendapatkan mesej dan nilai yang terdapat dalam bahan.<br><br>ii. Menjelaskan mesej dan nilai yang terdapat dalam bahan. | <br><br>• Membaca teks ilmiah secara berpasangan.<br><br>• Berbincang untuk mendapatkan maklumat tentang nilai yang positif.<br><br>• Menerangkan nilai yang diperoleh dan bahan yang dibaca. |
| | **Aras 3**<br><br>i. Mengemukakan pendapat tentang mesej dan nilai yang terdapat dalam bahan. | <br><br>• Membaca rencana bersama rakan.<br>Contoh : Pengaruh Internet kepada pelajar.<br><br>• Mencari nilai-nilai dari rencana yang dibaca.<br><br>• Mengklasifikasikan nilai-nilai dari segi positif dan negatif berdasarkan budaya tempatan. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 11.3 Mengulas karya sastera yang mudah secara umum dari aspek tema dan persoalan, watak dan perwatakan, nilai dan pengajaran, dan gaya bahasa. | **Aras 1** | |
| | i. Mengenal ciri-ciri puisi tradisional dan moden. | • Guru mengungkapkan pantun dan bersyair. |
| | ii. Mengenal pasti watak dan perwatakan yang terdapat dalam teks. | • Membezakan bentuk pantun dan syair. Contoh : bentuk, rima akhir, pemilihan diksi. |
| | iii. Memberi pandangan tentang watak dan perwatakan yang terdapat dalam teks. | • Menceritakan watak utama sesebuah karya secara ringkas. |
| | **Aras 2** | |
| | i. Mentafsir latar yang terdapat dalam karya. | • Menyatakan latar tempat dan masa sesuatu peristiwa. |
| | ii. Menjelaskan plot yang terdapat dalam karya. | • Menyusun cerita mengikut urutan. |
| | **Aras 3** | |
| | i. Mengulas tema dan persoalan yang terdapat dalam karya. | • Berbincang secara berpasangan untuk menentukan tema sesuatu persoalan yang dibaca.<br>• Menghuraikan tema dan persoalan yang terdapat dalam karya. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| 11.4 Memberikan komen dan pandangan tentang pendapat yang disampaikan oleh pihak lain. | **Aras 1**<br><br>i. Menyenaraikan hujah yang disampaikan oleh pihak lain dengan teratur.<br><br>ii. Menyatakan pandangan berdasarkan pendapat yang disampaikan oleh pihak lain. | • Mendengar pita rakaman tentang isu semasa.<br><br>• Berbincang dalam kumpilan untuk mencari dan menyusun maklumat yang diterima.<br><br>• Memberikan respon berkaitan hujah daripada rakan.<br><br>• Menulis pandangan yang telah dibincangkan. |
| | **Aras 2**<br><br>i. Membandingkan dan membezakan pandangan pelbagai pihak untuk menyatakan pendapat. | • Menyenaraikan buah fikiran yang dikemukakan di atas kertas sebak secara berkumpulan tentang tajuk yang diberi.<br><br>• Membentang dan membezakan pandangan pelbagai pihak.<br><br>• Menjelaskan pendapat daripada perbincangan bersama rakan.<br><br>• Mencatat hasil dapatan. |

| Hasil Pembelajaran | Huraian Hasil Pembelajaran | Cadangan Aktiviti/Nota |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>i. Membahaskan pendapat yang dikemukakan oleh pihak lain. | • Berdiskusi untuk memahami pendapat yang dipersembahkan oleh wakil kumpulan.<br><br>• Membentangkan hasil dapatan kumpulan untuk membahas pendapat kumpulan lain.<br><br>• Menulis kesimpulan daripada pelbagai idea. |